



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN MALAYSIA
(MINISTRY OF AGRICULTURE AND FOOD INDUSTRIES MALAYSIA)
WISMA TANI
NO.28, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
62624 PUTRAJAYA

Telefon: 03-88701373/1378

Telefax: 03-8888 6906

E-mail: pro@mafi.gov.my

Homepage: <http://www.mafi.gov.my>

SIARAN MEDIA

KUNJUNG HORMAT MENTERI MAFI KEPADA KETUA MENTERI SABAH

19 Feb 2021 -- Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee hari ini mengadakan kunjungan hormat terhadap Ketua Menteri Sabah Datuk Seri Panglima Hajiji Noor di Pusat Pentadbiran Negeri Sabah (PPNS) di Kota Kinabalu.

Ini merupakan kunjungan pertama YB Dr Ronald terhadap Hajiji di PPNS yang turut disertai Ketua Pengarah Kawal Selia dan Beras merangkap Setiausaha Bahagian Industri Padi dan Beras, Encik Azman Mahmood, Timbalan Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) Encik Mohd Khairuzamri M.Salleh, Pengarah Pembangunan Peladang Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), Encik Abu Sujak Sanusi dan Pengarah Kawasan Bersepadu (IADA) Kota Belud, Puan Salmah Labulla.

Ia juga sebagai kunjungan balas bagi YB Dr Ronald yang menerima kunjungan YAB Hajiji di Wisma Pertanian di Putrajaya pada 7 Januari lepas.

Perbincangan telah menjurus kepada pelbagai usaha bagi terus meningkatkan industri pertanian, perikanan dan penternakan di Sabah. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri komited untuk terus bekerjasama bagi memastikan pembangunan sektor pertanian dan menjamin keselamatan makanan negara.

Terdahulu, YB Dr Ronald membuat kunjungan terhadap Timbalan Ketua Menteri II Sabah merangkap Menteri Pertanian dan Perikanan Datuk Seri Panglima Dr. Jeffery G. Kitingan di Kota Kinabalu.

Antara perkara dibincang dalam lawatan rasmi ini adalah cadangan agar Rang Undang-Undang Kualiti Benih Tanaman dan Rang Undang-Undang Baja yang akan dibawa ke Parlimen dalam sidang yang akan datang.

Perjumpaan itu juga turut membincangkan mengenai pendekatan baharu melalui pertanian skala besar bagi peningkatan pengeluaran padi dan beras, penglibatan pihak swasta dan pemain industri, pelaburan dalam industri

ruminan bagi tingkatkan SSL daging tempatan, pengembangan industri buah-buahan tempatan, perluasan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) yang baharu jelapang padi negara dan cadangan mewujudkan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) di negeri Sabah.

YB Dr Ronald juga telah mengadakan perjumpaan dengan Korporasi Kemajuan Perikanan dan Nelayan Sabah (Ko-Nelayan) bagi membincangkan cabaran-cabaran yang dihadapi organisasi berkenaan dalam membangunkan komuniti nelayan dan pembangunan industri perikanan negeri. Pada masa yang sama, kerjasama berterusan akan diperkukuhkan dengan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Ko-Nelayan bagi meningkatkan taraf hidup komuniti nelayan dan sektor perikanan secara keseluruhannya.

DISEDIAKAN OLEH:

Unit Komunikasi Korporat

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan

19 Februari 2021